

# Taska diminta utamakan keselamatan

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
 (jainudin@newsabah-times.com.my)

**LABUAN:** Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Dato' Hassan Mohd Amin meminta Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) di seluruh negara mengutamakan keselamatan dan keselesaan.

Berucap merasmikan Taska Permata Kemas, Universiti Malaysia Sabah, Campus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Isnin. Justeru itu, beliau mahu semua pegawai jabatan Kemas sentiasa memantau dan menilai Taska yang telah diwujudkan bagi memastikan anak-anak berada dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Selain itu, katanya, Taska Permata Kemas mempunyai beberapa keistimewaan termasuk guru Tabika telah menjalani latihan dan bengkel bagi memastikan mereka benar-benar layak menjaga dan mendidik kanak-kanak berkenaan.

"Taska Permata Kemas sentiasa dipantau bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada anak-anak yang berumur 2 hingga 4 tahun. Kita mahu mengelak sebarang penderaan dan penganiayaan terhadap mereka," katanya.

Hassan berkata pihaknya mengutamakan keselamatan Taska berkenaan ter-

masuk memastikan tiada orang asing yang boleh mengambil anak-anak berkenaan selepas tamat operasi pada jam 5 petang.

Selain itu, katanya, Taska tersebut juga perlu mempunyai dua pintu masuk dan keluar serta pintu pagar sentiasa berkunci.

Hassan turut berpuas hati dengan keadaan Taska UMS-KAL yang dilengkapi pelbagai kemudahan serta peralatan serta memuji taska itu yang beroperasi dari jam 7 pagi hingga 5 petang berjaya bekerjasama dengan Kemas bagi memastikan anak-anak selesa dan selamat.

Beliau berharap lebih ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Taska Permata UMSKAL selaras dengan hasrat kerajaan untuk memasyarakatkan universiti dengan penduduk setempat.

"Kemudahan di Taska Permata UMSKAL terlalu hebat, ruang dalam yang besar dan memberi keselesaan kepada anak-anak. Ini akan memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke Taska berkenaan," katanya.

Taska tersebut yang mula beroperasi 5 Mei lalu mampu menampung sehingga 15 kanak-kanak yang berumur antara 2 hingga 4 tahun dan sedang berusaha untuk menambah kapasiti sehingga 30 kanak-kanak pada masa akan datang.



MESRA.....—Hassan dan Zamri beramah mesra dengan kanak-kanak yang menghuni di Taska Permata Kemas UMSKAL.

Selain itu, katanya, Taska Permata Kemas mempunyai beberapa keistimewaan termasuk guru Tabika telah menjalani latihan dan bengkel bagi memastikan mereka benar-benar layak menjaga dan mendidik kanak-kanak berkenaan.

"Taska Permata Kemas sentiasa dipantau bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada anak-anak yang berumur 2 hingga 4 tahun. Kita mahu mengelak sebarang penderaan dan penganiayaan ter-

hadap mereka," katanya.

Turut hadir Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Hadir sama Pengarah Kemas Wilayah Persekutuan, Abd Rahim Omar Bakri, Timbalannya, Kamarul Md Salleh dan Pe mangku Pegawai Kemas Daerah Labuan, Salmiah Daud serta Pengurus Taska Permata Kemas UMSKAL, Bolhasney Borhanordin.